

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
ATAS ANGGARAN PERUNTUKAN BIASA, 1966,
KEPALA 63 - KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA DAN LUAR BANDAR
(PERINGKAT JAWATANKUASA)

Tuan Pengerusi,

TUGAS DAN KEWAJIPAN KEMENTERIAN

Sebelum saya menerangkan satu persatu atas berbagai peruntukan yang terkandung di bawah Kementerian saya, Kepala 63, Kementerian (Pembangunan Negara dan Luar Bandar), saya sukacita hendak memaklumkan secara ringkas kepada Dewan ini tentang kerja-kerja dan kewajipan Kementerian saya. Dalam masa lima tahun yang lalu, kerja Kementerian saya terutamanya ialah di dalam lapangan menyatupadukan tugas-tugas dan tindakan-tindakan dari berbagai-bagai Kementerian, Jabatan-jabatan dan Badan-badan yang mengambil bahagian dalam melaksanakan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua. Saya dengan sukacitanya melapurkan kepada Dewan bahawa hasil dari perpaduan yang berkesan itu, jentera yang ditugaskan dengan kewajipan melaksanakan Rancangan Lima Tahun Kedua itu telah berjalan dengan cukup sempurna sehingga kita dapat mencapai kemajuan-kemajuan yang dikehendaki.

Di samping mengusahakan dan menyatupadukan perlaksanaan Rancangan Lima Tahun Yang Kedua, Kementerian saya juga adalah bertanggungjawab bagi melaksanakan Rancangan Pelajaran Dewasa, dan semua dasar-dasar Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Majlis Amanah Rakyat dan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji.

Rancangan-rancangan Pembangunan Darurat dan Perumahan Semula di Negeri-Negeri Borneo ada juga termasuk di bawah tanggungjawab Kementerian saya, kerana tujuan Kerajaan ialah

melaksanakannya sebagai projek-projek pembangunan dan bukan semata-mata sebagai rancangan penempatan semula atau penempatan beramai-ramai seperti yang telah dijalankan di Negeri-Negeri Tanah Melayu dalam masa darurat dahulu.

Tuan Pengerusi, telah sedia maklum, bahawa oleh kerana Kementerian saya terutamanya bertanggungjawab bagi menyatupadukan serta melaksanakan rancangan pembangunan, maka jumlah peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian saya adalah sangat kecil, tidak seperti anggaran peruntukan biasa bagi Kementerian-Kementerian lain yang melaksanakan rancangan-rancangan mereka sendiri.

PENGURANGAN

Walaupun demikian, berhubung dengan soal peruntukan biasa, saya ingin menarik perhatian Dewan tentang keseluruhan pengurangan \$2,267,133/- dalam jumlah peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian saya dalam tahun 1966. Pengurangan yang banyak ini terutamanya adalah disebabkan sebagaimana yang telah diterangkan oleh teman saya Y.B. Menteri Kewangan¹ dalam ucapan anggaran perbelanjaan Negara pada 17 November, memindahkan peruntukan sebanyak \$3,560,000/-, iaitu peruntukan biasa yang diperlukan bagi belanja-belanja Pentadbiran RIDA (sekarang MARA), pada anggaran peruntukan pembangunan.

Walau bagaimanapun, pemindahan atau pengenehan \$3,560,000/- ini tidak memberi kesan kerana disebabkan oleh tambahan peruntukan-peruntukan yang lain seperti tambahan peruntukan berkenaan dengan perbelanjaan pembangunan biasa dan perbelanjaan Pembangunan Darurat dan Perumahan Semula di Negeri-Negeri Borneo, wang bantuan kepada Persatuan Perkumpulan Perempuan Kebangsaan di bawah Pecahan Kepala 28 dan perbelanjaan bagi mentadbirkan dan menguruskan tiga Taman Asuhan Wanita di Kuala Lumpur, Melaka dan Kepala Batas.

Dalam tahun 1965, perbelanjaan biasa mengenai Pembangunan Darurat dan Perumahan Semula di Negeri-Negeri Borneo telah diadakan di bawah anggaran peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Oleh kerana Kementerian saya sekarang bertanggung-

jawab dalam perkara ini, segala jawatan-jawatan yang berkaitan dengan rancangan ini telah ditukarkan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ke Kementrian saya. Jawatan-jawatan itu adalah ditunjukkan didalam Butiran 66 hingga 74 di bawah Pecahan Kepala 1. Seterusnya pula peruntukan baharu di bawah Pecahan Kepala 28 adalah merupakan pertukaran ini adalah mustahak kerana hendak menyamakan dan menyatukan gerakan-gerakan Perkumpulan Perempuan Kebangsaan di dalam kawasan-kawasan luar bandar dengan rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa dan Pembangunan Masyarakat Kementerian saya.

Berhubung dengan peruntukan di bawah Pecahan Kepala 10, sukacita saya menyatakan bahawa peruntukan ini adalah satu peruntukan baharu bagi menjalankan dan menyelenggarakan tiga buah Taman Asuhan yang telah diambil alih oleh Kementerian saya mulai awal tahun ini. Taman-taman Asuhan ini terpaksa diambil alih daripada MARA oleh kerana tujuan Kementerian saya hendak mencatumkan kerja-kerjanya dengan Rancangan Pelajaran Dewasa Kementerian saya. Taman-taman Asuhan ini adalah digunakan sebagai Pusat-Pusat Latihan bagi melatih Guru-guru Urusan Rumahtangga yang mengajar di dalam kelas-kelas di luar bandar.

GAJI: \$1,205,599/-

Tambahan-tambahan di dalam peruntukan di bawah gaji, iaitu Pecahan Kepala 1, adalah terutamanya disebabkan oleh pengadaan jawatan-jawatan dibawah Butiran 9, 12, 75, 76 dan 77, dan juga oleh sebab penukaran jawatan-jawatan yang berhubung dengan kerja-kerja pembangunan daripada Pejabat Setiausaha Federal, Kuching. Tambahan-tambahan itu juga adalah disebabkan oleh penukaran jawatan-jawatan yang berkaitan dengan Pembangunan Darurat dan Perumahan Semula daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Kementrian saya. Dua jawatan-jawatan Kerani dan Satu (Juru) Mesyin Operator di bawah Butiran-butiran 9 dan 12 di bawah Kementerian saya adalah terutamanya dengan tujuan menguatkan lagi kakitangan-kakitangan bekerja di Kementerian saya bagi mengeluarkan pemberian-pemberian welfare. Jawatan-jawatan baharu yang dibawah Butiran 75 hingga 80 dan di bawah Butiran-butiran 85 hingga 90 adalah bagi Jabatan-Jabatan itu telah dilaksanakan pada awal tahun ini bagi meluaskan perancangan pelajaran dewasa dikedua-dua Negeri Borneo ini.

Lain-lain tambahan di bawah gaji ialah tambahan-tambahan tahunan atas gaji kakitangan Kementerian saya. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa peruntukan bagi tanda sahaja (token votes) adalah dikehendaki di bawah Butiran-butiran 23, 24, 25, 26, 50 dan 51. Peruntukan-peruntukan ini adalah semata-mata bertujuan melindungi hak-hak pencen pegawai-pegawai Kerajaan yang dipinjamkan kepada Majlis Amanah Rakyat dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

PELAJARAN DEWASA

Tuan Pengerusi, bagi menemui kehendak-kehendak rakyat, Kementerian saya akan membuka 4,000 kelas baharu dalam tahun 1966. Sungguhpun demikian, ini tidaklah akan memberi kesan kepada had 12,700 kelas yang boleh dibuka dalam setahun kerana menjelang akhir tahun ini pelajar-pelajar di dalam 4,000 kelas Peringkat Tinggi akan menamatkan kursus tiga tahun mereka.

Berkenaan dengan kelas pelajaran dewasa, saya suka menyatakan bahawa sekarang ini ada lebih kurang 270,000 pelajar di semua peringkat rancangan pelajaran dewasa. Jumlah perbelanjaan Bahagian Pelajaran Dewasa, jika dibandingkan dengan perbelanjaan tahun yang sudah ada menunjukkan tambahan sebanyak \$715,572/- dan ini adalah disebabkan oleh penubuhan kelas-kelas pelajaran dewasa di Sabah dan di Sarawak, apabila rancangan pelajaran dewasa dilancarkan di kedua-dua buah Negeri itu. Hingga sekarang Kementerian saya telah menubuhkan 727 kelas pelajaran dewasa di kedua-dua Negeri itu dan jumlah ini akan dinaikkan kepada 1,400 kelas dalam tahun 1966. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa rancangan pelajaran dewasa Kementerian saya ini bukanlah bertujuan hendak menghapuskan buta huruf sahaja di dalam Negeri ini, tetapi adalah juga bertujuan hendak mengadakan rakyat-rakyat yang tahu-menahu serba sedikit di dalam ilmu-ilmu pengetahuan yang kena mengena dengan kehidupan mereka sehari-hari, iaitu pelajar-pelajar bukanlah sahaja diberi ajaran di dalam membaca, menulis dan membuat kira-kira, tetapi juga diajar mata-mata pelajaran seperti tata-rakyat, agama bagi pelajar-pelajar Islam dan juga Urusan Rumahtangga bagi pelajar-pelajar wanita. Di dalam lapangan Ekonomi Rumahtangga Kementerian saya telah menubuhkan 2,030 buah kelas dan dalam tahun 1966 Kementerian

saya ada membuat rancangan bagi meninggikan jumlah ini kepada 2,500 kelas.

**RANCANGAN-RANCANGAN BELANJA
PENGULANGAN TAHUNAN - \$10,069,433/-**

Berhubung dengan perkara ini, tambahan seperti yang terdapat dalam Pecahan Kepala 13 telah disebabkan oleh pengambilan beberapa Penyelia tambahan untuk menguatkan lagi jumlah Penyelia-Penyelia yang ada sekarang. Pengambilan Penyelia-Penyelia tambahan ini adalah perlu kerana setengah-setengah Daerah, disebabkan oleh kesulitan-kesulitan perhubungan, adalah dikehendaki lebih daripada seorang Penyelia bagi menjalankan pekerjaan mereka yang boleh memberi kesan. Tambahan dalam Pecahan Kepala 14 adalah disebabkan oleh tambahan jumlah guru-guru, hasil dari penubuhan kelas-kelas pelajaran dewasa di Sabah dan Sarawak. Sungguhpun adanya tambahan-tambahan ini dan juga tambahan bagi perbelanjaan baharu di bawah Pecahan Kepala 10, pengurangan yang besar telah diperbuat di dalam peruntukan "Pengangkutan dan Perjalan (Transport and Travelling)" di bawah Pecahan Kepala 7 dan 18. Dengan pengurangan peruntukan wang bagi "Pengangkutan dan Perjalanan" di bawah dua-dua Pecahan Kepala ini, Kementerian ini mungkin mendapat kesulitan bagi menyelenggarakan tugas-tugasnya. Tetapi segala usaha-usaha akan dibuat bagi menjalankan tugas-tugas Kementerian ini dengan peruntukan ini.

BELANJA KHAS - 981,175/-

Sekarang saya sampai pula kepada soal perbelanjaan khas yang menunjukkan tambahan bagi keseluruhnya sebanyak \$99,055/- iaitu lebih daripada peruntukan pada tahun 1965. Tambahan ini adalah terutamanya disebabkan oleh pengadaan kelas-kelas pelajaran dewasa di Sabah dan Sarawak dan juga penukaran tanggungjawab dalam melaksanakan Rancangan Pembangunan Darurat di Sabah dan Sarawak kepada Kementerian ini. Wang bantuan kepada Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji di bawah Pecahan Kepala 32 telah dikurangkan sebanyak \$10,000/-. Wang bantuan ini adalah dikehendaki oleh Perbadanan tersebut bagi menyelenggarakan belanja pentadbiran bagi tahun 1966. Bagaimanapun, saya

suka mengambil kesempatan memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Perbadanan ini hingga sekarang telah berjaya mendaftarkan seramai 18,640 orang penyimpan dan telah mengumpulkan wang sebanyak \$1,947,845/-. Wang-wang simpanan ini telah dijadikan tanaman modal di dalam lapangan-lapangan perniagaan dan perusahaan yang berfaedah. Saya sukacita juga menyatakan di sini bahawa Perbadanan ini hingga sekarang telah menunjukkan tanda-tanda kejayaan. Saya tidak syak lagi bahawa Perbadanan ini akan memainkan peranan yang sangat berharga dan berkesan di dalam pembangunan ekonomi Negara, terutama sekali di kawasan-kawasan laur bandar.

Peruntukan \$280,000/- di bawah perbelanjaan khas Pecahan Kepala 34 - pengeluaran buku-buku teks, adalah dikehendaki bagi mencetak buku-buku teks termasuklah bukurbuku bacaan tambahan bagi kegunaan kelas-kelas pelajaran dewasa. Buku-buku teks ini adalah dijual kepada pelajar-pelajar dengan harga 25% daripada harga jumlah mengeluarkannya. Peruntukan sebanyak \$280,000/- di bawah Pecahan Kepala 35 - Kursus Latihan Kakitangan dan Guru-guru adalah dikehendaki bagi melatih guru-guru dan kakitangan-kakitangan kelas-kelas pelajaran dewasa. Peruntukan ini adalah perlu bagi melatih guru-guru yang baharu diambil dan kakitangan-kakitangan, berkenaan dengan cara-cara mengajar orang-orang dewasa dan tatarakyat; mereka akan diberi kursus supaya menimbulkan semangat baharu pembangunan; mereka akan diberi pelajaran dan dilatih rancangan pelajaran dewasa. Peruntukan ini juga akan digunakan bagi mengadakan kursus-kursus ulangkaji untuk guru-guru yang baharu.

Peruntukan \$38,000/- di bawah Pecahan Kepala 41 adalah bertujuan bagi membeli 3 buah land rover yang akan digunakan oleh Pasukan Kereta Penerangan bagi Pelajaran Dewasa. 2 buah akan ditugaskan di Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak. Tuan Pengerusi, kereta-kereta ini dijangka akan menjalankan kempen-kempen penerangan berkenaan Pembangunan Luar Bandar terutama sekali berkenaan dengan tugas-tugas Bahagian Pelajaran Dewasa.

Akhirnya, saya sukacita menyatakan bahawa anggaran peruntukan biasa Kementerian saya ini tidaklah menunjukkan tambahan yang banyak jika dibandingkan dengan peruntukan dalam tahun 1965 dan peruntukan ini telah dikurangkan serendah-rendah

yang boleh, bagi menyesuaikan dengan gerakan ekonomi Kerajaan yang sedang berjalan sekarang ini.

Tuan Pengerusi, dengan hormatnya saya bentangkan anggaran ini.

¹ Tun Tan Siew Sin.